

**Pertumbuhan Malaysia boleh cecah hingga 6 peratus, kata Najib**  
**The Malaysian Insider**  
**20 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 20 Nov — Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia boleh mencapai pertumbuhan ekonomi sebanyak lima hingga enam peratus menjelang akhir tahun ini menerusi perancangan kerajaan yang rapi, dasar yang mantap serta pelaksanaan yang berkesan.

Perdana Menteri yakin dengan kemungkinan itu kerana tiga ramuan penting kerajaan itu terbukti berkesan dalam membangunkan negara selama ini.

“Kita dapat membuktikan bahawa kita mampu membawa kejayaan kepada negara.

“Kejayaan itu adalah kerana Barisan Nasional (BN) adalah parti yang sudah diuji dan berjaya membuktikan kemampuan kita dalam membangunkan negara,” kata beliau yang juga Presiden Umno.

“Kejayaan ini amat bermakna sekali kerana kita sudah membuat perancangan rapi. Suku ketiga kita capai 5.8 peratus (Insya-Allah), kemungkinan lima hingga enam peratus menjelang akhir 2011,” kata beliau pada majlis perasmian penutup Karnival Kerjaya Pemuda BN 2011 di sini.

Dipetik Bernama, Najib yang juga Presiden BN berkata, pertumbuhan suku ketiga itu adalah bukti yang dapat menolak tohmahan pihak pembangkang mengenai kebenaran pertumbuhan itu.

“Kalau ada yang mengatakan pertumbuhan 5.8 peratus ini tak mungkin, pembangkang mengatakan tidak betul dan tersasar tapi kita membuktikan bahawa pada suku ketiga, kita mendapat 5.8 peratus,” kata beliau.

Najib berkata Malaysia bertuah kerana berada di bawah kategori negara yang masih mengalami pertumbuhan ekonomi dan mampu menyediakan pekerjaan kepada rakyatnya.

Beliau berkata, ini adalah lebih baik berbanding Amerika Syarikat yang berada di bawah kategori negara yang mengalami pertumbuhan tetapi tidak mampu menyediakan pekerjaan serta Itali dan Greece yang berada di bawah kategori negara yang mengalami penguncupan dari segi ekonomi dan mempunyai banyak masalah.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pertumbuhan-malaysia-boleh-cech-hingga-6-peratus-kata-najib/>